

HARI KOMUNITI MYPLUS BERI MANFAAT KEPADA 138,255 KOMUNITI SEPANJANG LEBUH RAYA

- Inisiatif CSR Diperluas Dengan Penglibatan 5 Sekolah Angkat MADANI

Klang, 17 Januari 2026: Dengan tema “Memperkasa Komuniti Selamat dan Lestari”, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Hari Komuniti MyPLUS bagi edisi tahun ke-9 telah memberi manfaat kepada 138,255 ahli komuniti secara keseluruhan di sepanjang lebuh raya kendalian PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sejak program ini dianjurkan pada tahun 2013.

Program Hari Komuniti MyPLUS telah dirasmikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Bukit Kuda, Klang yang disempurnakan oleh Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Turut hadir pada program ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR), Datuk Dr. Khairus Masnan Abdul Khalid; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Ir. Mohd Hadzmir Yusoff; Pengerusi PLUS, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif; Lembaga Pengarah PLUS dan Pengarah Urusan UEM Group Berhad, Datuk Amran Hafiz Affifudin; Naib Canselor Universiti Teknologi MARA, Professor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin; Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar; Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Selangor, Mohd Idrus Arifin; Pengetua SMK (P) Bukit Kuda, Roslinda Ahmad; serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan, KKR, LLM dan PLUS.

Sebanyak 25 lokasi projek di seluruh negara telah dipilih merangkumi kerja-kerja penambahbaikan kawasan komuniti seperti di 9 buah sekolah, klinik kesihatan, pusat komuniti, taman rekreasi, kawasan pantai dan lain-lain lokasi yang berdekatan dengan jajaran Lebuhraya PLUS.

Buat julung kalinya pada tahun ini, Hari Komuniti MyPLUS turut melibatkan 5 buah Sekolah Angkat MADANI (SAM) iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Bukit Kuda di Selangor; Sekolah Kebangsaan Khir Johari di Kedah; Sekolah Kebangsaan Perlok di Perak; Sekolah Menengah Kebangsaan Buluh Kasap di Johor dan Sekolah Kebangsaan Bukit Besi di Terengganu.

Selain itu, Hari Komuniti MyPLUS turut disertai seramai 1,250 sukarelawan daripada warga PLUS dan pelajar-pelajar daripada 11 institusi pengajian tinggi iaitu UiTM, UKM, UIA, UTM, UPSI, UniKL, UNISEL, MAHSA University, Kolej MARA, Kolej Vokasional dan Kolej Teknologi Termaju (ADTEC).

Program tahun ini juga telah berjaya menyantuni 51,431 orang komuniti di sepanjang jajaran lebuh raya kendalian PLUS termasuk di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2). Daripada jumlah tersebut, lebih daripada 4,081 orang pelajar dan warga pendidik daripada 5 buah Sekolah Angkat MADANI di bawah kendalian PLUS telah terlibat dan menerima manfaat daripada pelaksanaan inisiatif CSR ini.

Ketika berucap merasmikan Program Hari Komuniti MyPLUS, Menteri Kewangan II, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, “Program pada hari ini di SMK (Perempuan) Bukit Kuda, Klang menyaksikan satu lagi hasil daripada usahasama yang strategik antara Kerajaan, syarikat swasta dan masyarakat setempat untuk menyumbang kepada sahsiah anak-anak kita. Inisiatif SAM merupakan pendekatan baharu Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan yang memberi fokus kepada tunggak kesejahteraan rakyat, bermula dengan penyediaan persekitaran sekolah yang kondusif, selamat serta menyokong pembangunan generasi masa hadapan.”

Pengerusi PLUS, Dato’ Mohamad Nasir Ab. Latif dalam ucapannya pula berkata, “Hari Komuniti MyPLUS merupakan manifestasi komitmen berterusan PLUS dalam menjayakan tanggungjawab sosial korporat yang berskala besar dan berimpak murni, selari dengan peranan kami sebagai rakan pembangunan komuniti lebuhraya. Pelaksanaan program ini juga selari dengan tunggak utama tanggungjawab sosial korporat PLUS iaitu keselamatan jalan raya, kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar.”

Di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Bukit Kuda, PLUS telah menjalankan pelbagai inisiatif penambahbaikan infrastruktur dan prasarana di sekolah ini bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dan kondusif kepada lebih 700 pelajar, warga pendidik dan kakitangan sokongan sekolah.

Ia merangkumi kerja-kerja mengecat bangunan sekolah, menaik taraf bilik kelas masakan, bumbung pejalan kaki dan kawasan parkir, turapan jalan, landskap, menambah baik kemudahan Makmal Bestari dengan 20 unit komputer dan 8 komputer riba, penyediaan televisyen pintar, pemasangan sistem pendingin hawa, kamera CCTV, lampu LED berkuasa solar dan papan tanda keselamatan.

Dengan pelaksanaan program CSR seperti Hari Komuniti MyPLUS ini, PLUS berharap inisiatif murni ini berjaya merapatkan hubungan di antara syarikat swasta dan komuniti setempat, menyemai nilai semangat kerjasama dan meningkatkan pembangunan sosial masyarakat yang lebih selamat, sejahtera dan lestari.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---